

Khidmat Komuniti di SK Mesilou inisiatif UMS bantu ceria sekolah pelancongan

UB 12.12.2019 17

KOTA KINABALU: Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Program Khidmat Komuniti di Sekolah Kebangsaan (SK) Mesilou, Ranau pada 30 November 2019 bertujuan membantu menceriakan persekitaran sekolah itu.

Ini adalah inisiatif UMS bagi membantu merealisasikan hasrat sekolah berkenaan sebagai sekolah pelancongan yang pertama di Sabah.

Program ini berlangsung selama tiga hari iaitu bermula dari 29 November hingga 1 Disember 2019 yang dianjurkan oleh pelajar AG20703 Pengantar Klimatologi UMS.

Seramai 87 pelajar, empat guru serta seorang pembantu am yang turut serta dalam menjayakan program Khidmat Komuniti ini.

Guru Besar SK Mesilou Malini Harun berkata, program ini dapat membantu pihak sekolah menyahut cabaran Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Ranau untuk menjadi sekolah pelancongan.

“Sememangnya banyak



PROGRAM KOMUNITI: Sesi bergambar bersama peserta Program Khidmat Komuniti SK Mesilou, Ranau.

bantuan dari luar sendiri seperti Garden International School (GIS), MEVOC Mesilou Volunteer Club, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan PPD tetapi program yang dihasilkan oleh pelajar UMS ini sangat berbeza berbanding yang sebelumnya.

“Program ini berbeza kerana pelajar UMS sendiri yang menawarkan bantuan kepada pihak sekolah. Terdapat banyak universiti dan institusi lain yang datang untuk berprogram tetapi mereka hanya tertumpu kepada aspek pendidikan serta program anak angkat,” katanya.

Pengarah Program Kerja Lapangan dan Khidmat Komuniti Mohamad Zaki Mohammad Azam berkata, walaupun terdapat pelbagai cabaran semasa melakukan program ini tetapi ianya dapat diatasi dengan baik.

Program ini dapat mencapai objektif iaitu membantu menceriakan sekolah itu mengikut tema meteorologi seperti yang dikehendaki oleh pihak sekolah.

Program Khidmat Komuniti ini dirasmikan oleh Profesor Madya Dr. Ramzah Dambul, Timbalan Naib Canselor Penye-

lidikan dan Inovasi UMS yang diwakili Pensyarah Pengantar Klimatologi Suriyanah Laude, selaku pembantu pensyarah.

Antara aktiviti dilakukan oleh siswa dan siswi yang terlibat adalah membuat Taman Mini Meteorologi dan menghasilkan mural.

Taman Mini Meteorologi itu dihiasi dengan bahan-bahan kitar semula seperti botol-botol minuman yang terpakai.

Mural pula dilukis pada dinding luar kelas Tahun 2 bertemakan proses pembentukan hujan, impak perubahan iklim serta proses tiupan angin.

Aktiviti ini adalah idea serta kreativiti pelajar UMS sendiri dengan mengikut tema yang telah ditentukan oleh pihak sekolah.

Program ini turut mendapat sumbangan daripada pihak Syarikat Perkasa Realty.

Pihak sekolah berharap mereka dapat menyediakan fasiliti yang baik agar khidmat komuniti seperti ini lebih kerap dilakukan pada masa akan datang.